

SELASA 4/2/2018

MUKA SURAT 4

DASAR & PENTADBIRAN

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

NEGRI SELANGOR



Ahmad Shabery menyampaikan replika cek kepada wakil TEKUN Negeri Selangor, Aziz Ahmad sambil diperhatikan Tajuddin (dua dari kanan) dan Norazita (kanan) di Putrajaya, semalam.

Dana RM250j bantu wanita bermiaga

Putrajaya: Sebanyak 50 peratus daripada RM500 juta dana Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) akan diperuntukkan kepada usahawan wanita selaras dengan Tahun Memperkasakan Wanita 2018.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata menerusi langkah itu, sebanyak RM250 juta daripada jumlah keseluruhan peruntukan berkenaan akan digunakan bagi membantu usahawan wanita memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka.

Galak wanita miliki sumber kewangan sendiri
"Seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, 2018 adalah Tahun Memperkasakan Wanita. Selain menetapkan sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan, satu lagi perkara penting ialah menggalakkan golongan terabit mempunyai sumber kewangan sendiri.

"Sebagai contoh, ada banyak kes isteri ditinggalkan suami yang menjadi pencari nafkah tunggal dalam keluarga atau ibu tunggal yang bertungku-lumus membina kehidupan

lebih baik.

"Jadi, pemerkaasan ini akan memberi mereka keupayaan untuk membina hidup sendiri, selain mempunyai sumber kewangan sendiri," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Asas Keusahawanan Negeri Selangor dan pelancaran aplikasi telefon pintar, TEKUN Pay di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman dan Pengurus TEKUN Nasional, Datuk Norazita Abdul Rahman.

Ketika pembentangan Bajet

2018, Perdana Menteri mengumumkan dana RM500 juta bagi TEKUN Nasional yang akan membantu usahawan kecil mengembangkan perniagaan.

Beliau berkata, usahawan wanita juga lebih konsisten dalam membuat pembayaran balik menerusi skim pembiayaan TEKUN Nasional.

Mengenai aplikasi TEKUN Pay, Ahmad Shabery berkata, kaedah itu akan membolehkan usahawan skim TEKUN Nasional membuat pembayaran balik pinjaman mereka hanya di hujung jari dengan transaksi lebih telus.